

BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan

Dayah¹ bagi masyarakat Aceh merupakan sebuah institusi tradisional yang mempunyai peranan penting dalam mendidik umat dan juga aktif dalam setiap aktiviti sosial kemasyarakatan. Pengajian dayah bermula dari orientasi pengajian Islam yang di lakukan di rumah, masjid dan surau yang terdapat di wilayah-wilayah lain di Indonesia, Malaysia dan juga Thailand.

Memandangkan dayah merupakan institusi agama yang sentiasa menjadi harapan masyarakat Islam dalam melahirkan generasi yang mampu menjadi pendakwah terhadap masyarakat yang hidup di zaman serba kompleks dan globalisasi, maka sepatutnya dayah harus memainkan peranan penting melalui aktiviti-aktiviti dan program-program dakwah yang dapat memberikan kesedaran kepada umat, agar tetap selamat dunia dan akhirat, sentiasa bertaqwa kepada Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Apabila elemen penting bagi seorang muslim iaitu “iman” dan “taqwa” yang kurang dimiliki, maka akan mudah mereka melakukan perbuatan yang

¹ Dayah adalah sebutan masyarakat Aceh, perkataan dayah berasal dari bahasa Arab iaitu *zawiyah*, yang bermakna tempat mendidik anak-anak orang Islam khasnya dalam bidang agama Islam. *Zawiyah* dalam bahasa Melayu ertinya sudut, jadi disebabkan oleh perubahan dialek yang terjadi pada orang Aceh, kerana bahasa Aceh tidak mempunyai huruf Z pada awal ayat, sehingga ketika huruf Z berada di awal kalimat, maka orang Aceh menyebutkan kepada huruf yang dekat iaitu huruf D. Seperti dalam kata *zawiyah* terletak di tengah-tengah kata dalam bahasa Arab adalah huruf *waw* yang berbaris kasras, jadi apabila bersambung dengan huruf *yah* yang berbaris patah dan berakhir dengan huruf *ta marbutah* yang diwakafkan bacaannya, maka huruf *waw* yang berbaris kasrah bagi orang Aceh sangat lemah dalam bacaan, maka huruf *wi* yang lemah, jadi hilang dalam bacaan orang Aceh, sehingga bacaan *zawiyah* menjadi dayah sesuai dengan dialek bahasa Aceh. Lihat Sulaiman Jalil (1985), *Minat Calon Siswa dan Motivasi Belajar Siswa di Lingkungan Dayah*, Banda Aceh: IAIN Ar-Raniry, h. 7. Di Indonesia lebih dikenali dengan pesantren yang di ambil dari pesantrian, sedangkan di semenanjung tanah Melayu dan Thailand lebih dikenali dengan istilah pondok. Lihat Muhammad Arahman (1996) *The curriculum of Islamic Studies Applied in Traditional and modern Dayah: A Comparative Study*. Unpublished Thesis Master, Departmen Of Education Islamic University. Kuala Lumpur: h. 29.

dilarang agama tanpa rasa takut terhadap pembalasan yang akan di terima di akhirat kelak.

Dayah Mudi² Mesra³ adalah salah satu dayah yang masih bertahan kewujudannya di Aceh, yang terletak di Samalanga (sub distrik) Kabupaten Aceh Bireuen (distrik). Dayah Mudi Mesra pernah mengalami kemerosotan dan kemajuan dalam perkembangannya sebagai sebuah institusi keagamaan, namun ianya tetap wujud sehingga sekarang. Dengan demikian kajian ilmiah ini akan menghuraikan lebih lanjut mengenai Dayah Mudi Mesra untuk dijadikan sebagai objek kajian dalam disertasi ini dengan tajuk: “Dayah Mudi Mesra Aceh dalam Perspektif Dakwah” sempena membangun masyarakat Islam yang taat dan patuh terhadap perintah agama Islam.

1.2. Latar Belakang Masalah

Dayah sebagai sebuah institusi pengajaran dan pemahaman ajaran Islam kepada masyarakat dalam proses pendidikan dan mengarahkan kepada pembentukan jiwa (rohani), kerana betapa pun pesatnya kemajuan ilmu pengetahuan yang dimiliki manusia dalam proses kemajuan akal, ilmu pengetahuan tidak dapat menggantikan agama dalam memenuhi keperluan manusia untuk kesejahteraan dunia dan akhirat.

Menghadapi kehidupan yang semakin kompleks di era globalisasi, di mana dayah agak ketinggalan mengatasi kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi, ini menyebabkan terjadinya perubahan sosio-keagamaan. Maka tugas utama dayah

² Mudi adalah kata kependekan dari Ma'had al-Ulum al-Diniah yang memiliki makna institusi ilmu-ilmu agama Islam.

³ Mesra adalah kata kependekan dari Masjid Raya iaitu nama kampung terletakinya lokasi Dayah Mudi Mesra.

adalah melakukan perubahan terhadap realiti umat Islam yang berlaku pada masa kini, iaitu mewujudkan kesedaran manusia *Qur'āni* (menurut kehendak Allah) dalam kehidupan yang universal melalui aktiviti-aktiviti dakwah dan perancangan yang dapat memperkembangkan fitrah manusia untuk mencapai kejayaan dan keselamatan di dunia dan akhirat. Dayah sebagai institusi pendidikan tertua di Aceh masih wujud sampai sekarang di bawah asuhan ulama. Maka tidak hairan jika dilihat masih banyak institusi Islam tradisional masih wujud hingga kini di Aceh, kerana institusi dayah tradisional ini adalah sebagai tempat untuk memperolehi pendidikan agama yang masih diperlukan oleh masyarakat Aceh khususnya.

Institusi dayah di Aceh sangat berperanan dalam memperkembangkan dakwah ke seluruh Aceh khususnya dan ke seluruh Nusantara amnya. Di Aceh terdapat ratusan dayah yang menjadi institusi dakwah dan melahirkan pelopor dakwah. Ramai tokoh dayah dan cendikiawan yang menjadi pendakwah terkenal dalam sejarah Islam Nusantara pada zaman dahulu seperti; Teungku Chik di Pante Kulu, sebagai seorang sasterawan yang telah melahirkan sebuah karya sastera besar yang juga menjadikan semangat bagi perang sabil antara lain adalah hikayat *Ainal Mardhiah*.

Teungku Chik Kuta Karang yang terkenal sebagai ulama ahli pengubatan dan astronomi. Salah satu karyanya adalah kitab *ar-Rahman* yang membahaskan tentang ilmu kedokteran dan ubat-ubatan yang sampai sekarang masih digunakan oleh ulama-ulama di Aceh untuk mengubati masyarakat. Dalam bidang astronomi yang membahas mengenai ilmu hisab dan ilmu bintang. Beliau telah mengarang kitab "*Siraj Az-Zalam Fi al- Makrifati Sa'di Wa al-Nahas*" dan Teungku Chik di Tiro yang nama asalnya Teungku Muhammad Saman adalah sebagai seorang tokoh

politik yang sangat berpengaruh di Aceh.⁴

Pada tahun 60-an hanya dayah sahaja sebagai institusi pendidikan yang menjadi pusat pembelajaran dan proses penyebaran ilmu pengetahuan. Ianya banyak dikunjungi oleh orang luar Aceh untuk belajar agama Islam, sebagai contoh Daud al-Fatani iaitu dari Fatani Thailand yang dikenali sebagai ulama terkemuka dan beliau belajar di Aceh selama dua tahun. Sheikh Muhammad Yusuf al-Makassari yang datang dari Makasar yang terkenal dengan gelaran Maulana Yusuf dan juga Syekh Burhanuddin dari Minang kabau sebagai ulama terkenal di Minang Kabau dengan membangun sebuah dayah.⁵ Banyak ulama-ulama yang dilahirkan di Aceh pada masa dahulu yang menjadi tunggak utama pembangunan masyarakat Islam. Mereka telah mampu mewujudkan sebuah institusi pendidikan Islam yang dapat dinikmati pada masa sekarang.

Adapun kewujudan institusi pendidikan tradisional yang dikenali dengan sebutan dayah di Aceh setaraf dengan Universiti di Timur Tengah iaitu di Baghdad terkenal dengan Dār al-Hikmah, di Kaherah terkenal dengan al-Azharnya, sedangkan di Aceh institusi dayah yang setanding dengan Universiti tersebut seperti Dayah Cot Kala di Perlak, Dayah Tengku Cik Pante Kulu di Banda Aceh, Dayah Darussalam Labuhan Haji di Aceh Selatan, Dayah Darul Ulum di Tanoh Mirah dan Dayah Mudi Mesra.

Menurut pengamatan penulis bahawa pada masa kini institusi dayah di Aceh semakin hilang fungsinya sebagai sebuah institusi pendidikan Islam dalam menjalankan aktiviti dakwah untuk menghadapi cabaran dan modernisasi dunia

⁴ Tim Penulis IAIN Ar-Raniry (2004), *Ensiklopedi Pemikiran Ulama-ulama Aceh*, Banda Aceh: Ar-Raniry Preess, h. 6.

⁵ *Ibid.*, h. 62.

moden, sememangnya dayah harus bergerak aktif dan optimal untuk mewujudkan peranan dayah dalam menghadapi kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi yang merupakan kemuncak dari proses perjalanan akal manusia dalam mempengaruhi pelbagai permasalahan kehidupan manusia, yang bermula dari cara berfikir, bersikap dan bertingkah laku.

1.3. Permasalahan Kajian

Dari huraian di atas mengenai kewujudan dayah selama ini yang telah diiktiraf oleh masyarakat Aceh, menimbulkan beberapa persoalan untuk di cari jawapan. Adapun kajian ini akan mencari jawapan terhadap soalan-soalan tersebut sebagai berikut :

1. Bagaimana halatuju dan matlamat Dayah Mudi Mesra sebagai institusi pendidikan dalam penyiaran agama Islam di Aceh.
2. Bagaimanakah metodologi dan aktiviti-aktiviti dakwah yang sudah dilakukan Dayah Mudi Mesra dalam menyampaikan dakwah.
3. Apakah faktor-faktor tarikan yang sudah dilakukan oleh Dayah Mudi Mesra dalam menyampaikan dakwah..

1.4. Objektif Kajian

Adapun yang menjadi tujuan dari kajian ini adalah sebagai berikut :

1. Untuk mengetahui halatuju dan matlamat Dayah Mudi Mesra sebagai institusi pendidikan dalam menyampaikan dakwah.
2. Untuk mengetahui metodologi dan aktiviti-aktiviti yang sudah dilakukan Dayah Mudi Mesra dalam menyampaikan dakwah.
3. Untuk mengetahui faktor-faktor tarikan dan keberkesanan yang sudah dilakukan oleh Dayah Mudi Mesra dalam menyampaikan dakwah.

1. 5. Kepentingan Kajian

Dayah sebagai sebuah institusi pendidikan Islam perlu mengambil kira untuk menggunakan metodologi dakwah yang tepat. Banyak aktiviti dakwah yang menggunakan saluran yang tidak tepat, kurang berkesan dan menyentuh dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapi umat. Dakwah jika tidak dilakukan dengan bijaksana bukan membawa ke arah menyatukan dan menzahirkan ajaran Islam dalam kehidupan umat, tetapi sebaliknya boleh menjejaskan ukhwah Islamiyah. Maka dalam kaitan ini, kepentingan kajian di atas adalah sebagai berikut:

1. Mengetahui peranan dayah di Aceh sebagai media dalam menyampaikan pesan-pesan dakwah dan kesannya terhadap masyarakat tempatan dianggap sebagai sesuatu perkara yang penting, kerana ia dapat menunjukkan peranan dayah yang lebih meluas, tidak sahaja terhad kepada institusinya sebagai institusi pendidikan Islam yang menyebarkan pengajaran agama. Tetapi pada masa yang sama ia dapat ditinjau dari peranan luaran terhadap masyarakat tempatan.

2. Dayah dalam perspektif dakwah yang berkesan perlu pula untuk dikaji selain sebagai institusi pendidikan Islam juga sebagai sarana memperkembangkan aktiviti kemasyarakatan yang diperkembangkan berdasarkan motif agama.
3. Dengan aktiviti kemasyarakatan yang diperkembangkan oleh dayah tersebut, ia dapat menjadikan pelajaran bagi dayah-dayah lain mengenai bentuk aktiviti dakwah yang tepat, khasnya bagi masyarakat tempatan. Ia juga dapat memberikan sumbangan pemikiran bagi pihak kerajaan, sehingga kerajaan tersebut dapat memberikan perhatian, sokongan agar aktiviti dakwah dayah dapat terlaksana dengan baik.

1.6. Skop Kajian

Untuk memperolehi pencapaian matlamat kajian yang telah dirumuskan di atas, skop kajian dalam penulisan ini adalah terhad kepada empat perkara berikut:

1. Dayah Mudi Mesra dalam kajian ini hanya difokuskan pada halatuju dan matlamat dayah tersebut pada masa pimpinan Tgk. Hj. Hasanoel Basri Gadeng pada tahun 1990 sampai semasa.
2. Perspektif dakwah yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah tentang bagaimana pandangan dakwah terhadap metodologi dan aktiviti-aktiviti dakwah yang digunakan oleh Dayah Mudi Mesra.
3. Faktor-faktor tarikan yang di maksud dalam kajian ini adalah faktor-faktor apa sahaja yang telah dilakukan oleh Dayah Mudi Mesra, sehingga mewujudkan keberkesanan terhadap perubahan sosial yang positif dalam pembangunan masyarakat Islam tempatan.

1.7. Definisi Tajuk

Penjelasan istilah dalam suatu karya ilmiah adalah sangat penting untuk menghindari salah penafsiran. Oleh itu, kajian ini perlu kepada penjelasan istilah-istilah yang terdapat dalam tajuk disertasi ini. Adapun istilah-istilah yang dianggap perlu untuk diberikan pengertiannya adalah sebagai berikut:

1.7.1. Dayah

Kata dayah berasal dari kata *zawiyah* yang berasal dari bahasa Arab yang bermakna sudut atau pojok masjid.⁶ Pada awal perkembangan Islam di Afrika Utara juga dikenali dengan kata *zawiyah* yang dimaksud dengan pojok sebuah masjid yang menjadi halaqah para sufi, lazimnya mereka berkumpul, bertukar fikiran, diskusi, berzikir dan bermalam di masjid.⁷

A. Halim Tosa dan Kustadi Suhandang memberikan definisi dayah sebagai sebuah institusi pendidikan Islam tradisional yang secara minimum mempunyai tiga komponen penting iaitu adanya Teungku Chik (pimpinan), ada murid yang diasramakan dan adanya masjid, surau (menasah) sebagai tempat solat berjamaah serta adanya balai (balee) sebagai tempat belajar.⁸

Dayah dalam tajuk kajian ini adalah sebuah nama institusi pendidikan Islam yang sangat terkenal di seluruh Aceh dan ianya telah wujud sejak agama Islam masuk ke Aceh pada abad pertama dan kedua hijriah. Di Indonesia institusi pendidikan

⁶ George Makdisi (1981), *The Rise of College: institute of Learning in Islam and the West*, Endinburgh University Press, h. 10.

⁷ Yusni Saby (2004), *Opini Publik Terhadap Dayah*, Banda Aceh: Persatuan Dayah Insafuddin, h. 12.

⁸ A. Halim Tosa dan Kustadi Suhendang (1990), *Dayah (Pesantren) dan Pembaharuan Hukum Islam di Aceh*, Darussalam: Banda Aceh, h. 17.

tradisional ini lebih dikenali dengan pesantren sedangkan di Semenanjung Malaysia dan Thailand dinamakan dengan pondok.⁹

1.7.2. Mudi Mesra

Kata Mudi Mesra adalah singkatan daripada Ma'had 'Ulum Diniyah Islamiyah Masjid Raya.

1.7.3. Aceh

Aceh adalah sebuah Negeri yang terletak di hujung paling utara pulau Sumatra dan berada antara 2°- 6° lintang utara dan 95°-98° di lintang selatan, dengan ketinggian rata-rata 125 Meter di atas permukaan laut. Aceh pada saat ini terdiri dari beberapa wilayah iaitu 21 buah Kabupaten (sub distrik) dan 4 buah Kota Madya. Aceh dari sebelah baratnya terbentang lautan Hindi manakala di sebelah utaranya terletak selat Melaka.

Secara geografi kedudukan Aceh terletak di laluan yang sangat strategik iaitu berada di laluan pelayaran dan perdagangan antarabangsa. Maka saudagar-saudagar muslim yang datang dari luar negara dapat menjadikan laluan selat Melaka sebagai pusat urusan untuk perdagangan, mereka juga menjadikannya sebagai pusat penyebaran agama Islam yang terkenal pada zaman tersebut. Kerana dengan adanya kerajaan Samudra Pasai abad ke-13 M, kerajaan Melaka pada awal abad ke-15 M, dan munculnya Kerajaan Aceh Darussalam yang menggantikan kedudukan Melaka pada awal abad ke-16M.¹⁰ Dengan itu kerajaan Samudra Pasai, kerajaan Melaka dan

⁹ A. Hasjmy (1981), *Sejarah Masuk dan Berkembangnya Islam Indonisia*, Bandung: Al-Mua'arif, h. 36.

¹⁰ Teuku Ibrahim Alfian (1999), *Wajah Aceh Dalam Lintasan Sejarah*, Yogyakarta: Pusat Dokumentasi dan Informasi Aceh: Banda Aceh, hal.1.

Kerajaan Aceh Darussalam telah banyak menyumbangkan jasanya terhadap proses penyebaran Agama Islam dan telah menjadi pusat kebudayaan di Asia Tenggara.

Aceh juga merupakan sebuah daerah yang paling awal sekali menerima ajaran agama Islam di Asia Tenggara pada amnya, pada tahun 1297 Masehi, seorang pelaut keturunan Itali yang bernama Marcopolo telah mengunjungi Aceh pada tahun 1292 Masehi. Demikian pula pada tahun 1345 Masehi daerah Aceh juga telah dikunjungi oleh seorang pelaut berasal dari Marokko (Magribi) iaitu Ibn Batutah. Ketika mereka sampai di Aceh mereka melihat bahawa penduduk Aceh telah memeluk agama Islam dan terkenal dengan kerajaan Islam Samudra Pasai yang dipimpin oleh seorang raja yang bernama Sultan Malik Al Zahir.¹¹ Menurut Prof.A. Hasjmy, bahawa Islam datang ke Aceh adalah 1hb Muharram 225 H pada awal abad H.¹²

Mengenai masuknya agama Islam ke Aceh para ahli sejarah berbeza-beza dalam memberikan pendapat dan juga siapa yang mula-mula membawa Islam ke Nusantara, hal ini disebabkan oleh kurangnya data dan pendapat yang boleh dipertanggungjawabkan secara ilmiah.¹³

¹¹ Ibrahim Syukri (1985), *History of the Malay Kingdom of Patani*, (terj.) oleh Corner Bailey and John N. Miksic. Ohio University Press, h. 11.

¹² Ali. Hasjmy (1989) , “Dari Tanah Aceh Kebudayaan Islam Mulai Sejarah di Nusantara”, *Sinar Darussalam*, No. 172/173, Banda Aceh: YPD. Unsyiah, IAIN Ar-Raniry, h.16.

¹³ Menurut Syed Naquib al-Attas, Dr. Prof. bahawa Syarif Makkah telah mengirim Syeik Ismail sebagai ketua rambongan di dalam penyebaran Islam ke Sumatra Utara, Syeh Ismail berhasil mengislamkan kerajaan Samudra Pasai beserta rajanya Malikus Saleh pada tahun 682H/1282M. Lihat Syed Naquib al-Attas (1969), *Preliminary Statement on A General Theory of the Malay-Indonesia Archiplego*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 21. Seorang ahli sejarah Hj. Muhammad Said, mengatakan bahawa dalam tahun 173H/790M sebuah kapal saudagar Gujarat telah datang ke Peureulak yang merupakan zaman pengembangan Islam di Aceh dan Ia mentakrifkan bahawa Islam masuk ke Peureulak pada tahun ke 2 H (abad ke 7 M) iaitu zaman Maha Raja Mahmud Syah pada tahun 43 H/1024 M. Lihat Hj. Muhammad Said (1963), *Mencari Kepastian Tentang Mula dan Cara Masuknya Agama Islam ke Indonesia*. Medan: h. 191. Menurut Sidi Ibrahim, berpendapat bahawa pada tahun 82 H/717 M satu ekspedisi dari 33 buah kapal bangsa Syam Persia yang diketuai Zahid yang menuju ke Cina yang di dalam rambongan itu juga ada yang ikut muballiq Islam mereka sebelum sampai tempat tujuan sudah singgah di Sumatra utara Aceh. Lihat Sidi Ibrahim (1971), *Sejarah Masuknya Islam dan Proses Islamisasi di Indonesia*. Jakarta: Publicita, h.14. Mengenai masuknya Islam dan siapa yang menyebarkan Islam di Aceh. Hamka juga berpendapat bahawa agama

Jadi, Aceh disamping sebagai pusat penyebaran agama Islam ke daerah-daerah lain di Nusantara mahupun Asia Tenggara, juga sebagai pusat perkembangan ilmu pengetahuan dan kesusasteraan pada zaman tersebut, bahkan pada zaman kerajaan Aceh Darussalam semakin memuncak dan mencapai zaman kegemilangannya di bawah pucuk pimpinan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam, baginda berjaya menguasai bidang perdagangan di pantai barat pulau Sumatra dan juga perdagangan di Sumatra Timur pulau tersebut. Maka pada abad XVI dan XVII kerajaan Aceh Darussalam mencapai puncak keagungannya dan mendapat pengakuan dari dunia Islam lainnya, pada zaman itulah munculnya tokoh-tokoh ulama..¹⁴

1.7.4. Perspektif

Menurut *Kamus Bahasa Indonesia* memberikan penjelasan mengenai perspektif adalah cara melukiskan suatu benda dan lain-lain pada permukaan yang mendarat iaitu sebagaimana yang terlihat oleh mata dengan tiga dimensi “panjang, lebar dan tingginya”, sudut pandang, pandangan.¹⁵

Dalam *Kamus Dewan* edisi baru memberikan pengertian kata perspektif adalah cara melukiskan (penggambaran) suatu benda dan lain-lain pada permukaan yang rata sebagaimana yang kelihatan dari sesuatu tempat pada mata seseorang. Atau pandangan (penafsiran) yang wajar bukan sesuatu dengan memperkirakan bagian-

Islam masuk ke Aceh adalah pada abad 1H/7M melalui saudagar-saudagar Islam Arab dan kemudian di ikuti oleh orang-orang Parsi dan Gujarat. Lihat Hamka (1963), *Masuk dan berkembangnya Agama Islam di Daerah Sumatra* dalam “*Risalah Seminar Masuknya Islam ke Indonesia*. Medan: H. 87.

¹⁴ Sidik Haji Baba (1993), “Aceh: Pusat Dakwah Islamiyah Pada Abad Ke 16 dan 18”, *Jurnal Usuluddin*, Bil .1, Oktober 1993, hal. 166.

¹⁵ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan R I (1989), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Jakarta: Balai Pustaka, h. 675.

bagiannya dalam hubungan keseluruhannya¹⁶ Sedangkan Haji Zainal Abidin Safarwan memberikan erti perspektif sebagai suatu pandangan, visi, anggapan, wawasan dan penafsiran.¹⁷

1.7.5 Dakwah

Perkataan dakwah berasal dari bahasa Arab. Ia diambil dari kata akar دعى yang bermaksud mengajak atau menyeru. Manakala perkataan دعوة adalah kata terbitan dari دعى yang bererti seruan, ajakan, panggilan dan undangan makan.¹⁸ Dalam *Kamus Dewan*, dakwah bermaksud kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima suatu kepercayaan.¹⁹

Dalam memberikan definisi dakwah banyak tokoh-tokoh dakwah memberikan definisi menurut pemahaman mereka masing-masing, namun memiliki halatuju yang sama iaitu dakwah merupakan suatu penerusan terhadap tugas yang dijalankan oleh para Nabi dan Rasul ianya boleh dilakukan dengan berbagai kaedah dan cara untuk membawa umat manusia keseluruhannya untuk mengabdikan kepada Allah S.W.T. dengan melakukan segala perintah dan menjauhi segala laranganNya dalam mencapai kejayaan hidup di dunia dan akhirat.

Kamus Bahasa Indonesia memberikan erti mengenai dakwah iaitu penyiaran, propaganda, penyiaran agama dikalangan masyarakat dan perkembangannya, seruan

¹⁶ *Kamus Dewan Edisi Baru* (1991), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 655.

¹⁷ Zainal Abidin Safarwan (1954), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: h. 1426.

¹⁸ Al-Rāziy, Muḥammad Ibn Abū Bakr Ibn ‘Abd al-Qadīr (1981), *Mukhtār al-Ṣihāḥ*. Beirut: Dār al-Fikr, h. 205.

¹⁹ Syeikh Othman Bin Syeikh Salim (t.t.), *Kamus Dewan*, T.T.P. : T. P, h. 1057.

untuk memeluk, mempelajari dan mengamalkan ajaran agama.²⁰ *Kamus Ensiklopedi Nasional Indonesia* memberikan penafsiran mengenai dakwah adalah ungkapan dikalangan umat Islam yang mengajak manusia untuk memeluk agama dan mengamalkan ajaran Islam.²¹ *Dalam Kamus Dewan*, dakwah bermaksud kegiatan menyeru dan menyakinkan orang lain supaya menerima suatu kepercayaan.²²

Mohd. Nasir memberikan pengertian dakwah dengan landasan yang paling dasar, bahawa Islam merupakan agama risalah dan dakwah.²³ Syeikh Ali Mahfuz mendefinisikan dakwah adalah memberansangkan manusia ke arah melakukan kebaikan dan petunjuk Allah S.W.T. dan menyuruh manusia membuat kebaikan dan mencegah manusia dari melakukan perkara mungkar, supaya mereka mendapatkan kebahagiaan di dunia dan akhirat.²⁴

'Abd al-Ra'uf Syalabi dakwah adalah suatu pergerakan Islam yang bergerak dengan teori dan pelaksanaan dengan tujuan untuk membina sesebuah negara Islam dan mempertahankannya agar terus berkekalan. Dari aspek yang lain berpendapat bahawa dakwah ialah suatu usaha menghadapkan sesuatu sistem apa sahaja dengan tujuan untuk memindahkan sesuatu umat dari keadan yang tidak baik kepada yang lebih baik.²⁵ Sedangkan Ali Hasjmy mendefinisikan dakwah sebagai mengajak orang

²⁰ Departemen Pendidikan dan Kebudayaan R I (1989), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, Jakarta: Balai Pustaka, h. 181.

²¹ *Ensiklopedi Nasional Indonesia* (1993), c. I. Jakarta: T.P, h. 31.

²² Syeikh Othman Bin Syeikh Salam (t.t.), *op.cit.*, h. 1058.

²³ Mohd. Nasir (1989), *Fiqhud Dakwah – Jejak Risalah dan Dasar-dasar Dakwah*, c. VI. Jakarta: Media Dakwah, h. 9.

²⁴ Syeikh Ali Mahfuz (1985), *Hidayah al-Mursyidin*, Bairut: Maktabah Dār al-Fikr, h.17

²⁵ 'Abd al-Rāuf Syalabi (1981), *al-Da'wak al-Islamiyyah fi 'ahdiha al-Makki*, Kaherah: Pajar al-Jadid, h.12.

lain untuk menyakini, mengamalkan aqidah dan syariah Islam yang terlebih dahulu telah diyakini dan diamalkan oleh pendakwah itu sendiri.²⁶

Adapun Perspektif dakwah yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah tentang bagaimana pandangan terhadap metodologi dan aktiviti-aktiviti dakwah yang dilakukan Dayah Mudi Mesra dalam konteks dakwah serta keberkesanannya terhadap masyarakat tempatan khususnya.

1.8. Kajian Lepas

Dalam kajian ini penulis telah melakukan berbagai usaha untuk memperoleh literature yang berkaitan dengan tajuk ini. Setakat ini belum ada kajian langsung yang sama dengan tajuk yang sedang penulis kaji iaitu “Dayah Mudi Mesra Dalam Perspektif Dakwah”. Walaupun demikian, terdapat beberapa kajian yang ada hubungkait dengan tajuk penulis antaranya ialah:

1.8.1. Hamim Muhammad (1998). Tajuk kajian: *Feminisme di Pesantren: Study Kasus Pandangan Ulama Pesantren terhadap Pendidikan Wanita Dalam Proses Tranfomasi Sosial di Pesantren Denaryar dan Qamaruddin*. Disertasi UMM program Pasca Sarjana. Hasil kajian mendapati:

Kajian ini mendedahkan mengenai pekara kedudukan wanita Islam dalam proses transformasi yang sudah jauh dari tuntutan agama Islam. Dari kajian itu penulis hanya mengkaji hal ehwal wanita dengan pelbagai kaitan perkembangan dan pembaharuan. Dalam kajian tersebut didapati bahawa ulama dayah sangat kurang memperhatikan kaum wanita, kalau pun ada aktiviti yang dilakukan oleh ulama

²⁶ A. Hasjmy (1981), *Sejarah Dakwah*, Bandung: al Mu’arif, h. 36.

pesantren hanya bersifat am, tidak ada penekanan khusus kepada wanita dan tidak berterusan, di samping itu penulis juga mengatakan sepatutnya di dalam perkembangan transformasi ulama sentiasa memberi pengajaran agama kepada kaum wanita. Sehingga kaum wanita dapat terselamat dari hal-hal yang bercanggah dengan agama Islam.

1.8.2. Saidulkarnaini (1984). Tajuk Kajian: *Dayah Tanoh Mirah Peusangan: Study tentang Pola Kepemimpinan, Paper Sarjana Muda (diploma) Fakultas Usuluddin IAIN Ar-Raniry Darussalam Banda Aceh*. Hasil kajian mendapati:

Dalam kajian ini membincangkan mengenai Dayah Tanoh Mirah dan pola kepemimpinannya. Dalam kajian ini menceritakan bahawa dayah tersebut pernah mencapai kejayaan yang begitu membanggakan masyarakat tempatan, dengan melahirkan pemimpin-pemimpin agama yang menjadi lampu penerang bagi masyarakat tempatan, dayah tersebut telah banyak melahirkan tokoh-tokoh pemimpin dan pejuang Nasional yang sentiasa ada dalam membina dan memberikan pemahaman kepada umat Islam dalam hidup bernegara khususnya di Aceh dan pada amnya kepada umat Islam Indonesia.

Namun ketika dayah bertukar kepemimpinan, maka dayah tersebut dengan perlahan-lahan kurang disukai oleh masyarakat tempatan, sehingga pelajar tinggal beberapa orang sahaja. Hasil kajian mendapati bahawa pemimpin dayah tersebut sibuk dengan aktiviti di luar dayah (bisnis), sehingga tidak ada masa untuk berfikir dan mengurus serta mengembangkan dayah, akhirnya dayah tersebut mengalami nasib hidup segan mati tak mau. Dalam kajian ini penulis berkesimpulan bahawa

kejayaan sesebuah dayah sangat dipengaruhi oleh pemimpin itu sendiri. Sebab- sebab lain adalah informasi mengenai dayah sangat terhad, kedudukan dan peranan dayah kurang tersebar luas dikalangan masyarakat dan tidak memiliki sifat yang lentur dalam menghadapi perubahan.

1.8.3 Teungku Haji Ibrahim (1992), *Sistem Pendidikan dan Pengajaran di Pesantren Bustanul Ulum Langsa Aceh Timur*. Tesis Serjana Fakultas Tarbiah IAIN Ar-Raniry Darussalam Banda Aceh. Hasil Kajian mendapati:

Dalam kajian ini penulis hanya mengkaji tentang sistem pendidikan dan pengajaran yang digunakan di pesantren tersebut masih berasaskan kitab kuning yang memfokuskan dari pada kajian *fiqih, nahu-saraf dan tasawuf*. Hasil kajian didapati bahawa kurikulum yang dikaji lebih banyak bersifat persial dan terkesan tidak komprehensif dalam menggali ilmu-ilmu keislaman yang telah berhasil dikembangkan sejak fase Abbasiyah. Dan di dapati dalam proses pembelajaran yang dikembangkan masih sahaja berorientasi pada bahan atau kurikulum dan bukan pada tujuan. Proses pembelajaran di anggap telah berhasil bila para pelajar mampu menerjemahkan dan mensosialisasikan kurikulum yang telah di terima dalam pembelajaran di dayah ketika berhadapan dengan masyarakat.

Dari tiga kajian lepas di atas tidak satu pun membincangkan masalah yang sama dengan apa yang penulis kaji. Sedangkan desertasi penulis membincangkan tentang dayah dalam perspektif dakwah melalui metodologi dan aktiviti-aktiviti yang dilakukan oleh Dayah Mudi Mesra.

1. 9. Metodologi Kajian

Metodologi berasal dari bahasa Yunani yaitu *metodos* yang bermakna jalan atau cara. Sedangkan *logos* artinya ilmu.²⁷ Jadi metodologi adalah ilmu tentang cara yang diusahakan sistematis dan objektif dengan tujuan untuk mendapatkan dan mengumpulkan data-data serta fakta yang ada hubungkait dengan masalah yang sedang dikaji. Oleh itu, metodologi kajian merupakan asas penting untuk mendapatkan data dan fakta sehingga sebuah kajian yang menggunakan metodologi yang tepat akan menghasilkan sebuah penyelidikan yang berkualitas.

Kajian mengenai tajuk ini merupakan gabungan antara kajian perpustakaan (*library research*) dengan kajian lapangan (*field research*). Bersesuaian dengan objek kajian ini penulis menggunakan dua metode pengumpulan data iaitu: metode pengumpulan data dan metode penganalisis data.

1.9.1. Metode Pengumpulan Data

Dalam metode kajian ini dua bentuk kajian utama di gunakan antaranya:

1. Penyelidikan Perpustakaan (*library research*)

Sebagian data-data yang dikumpulkan dalam kajian ini adalah berdasarkan penyelidikan perpustakaan. Oleh itu, jenis metode yang digunakan antara lain:

a. Metode Sejarah (*historis*)

²⁷ Koentjara Nigrat (t.t.), *Metod-Metod Penelitian Masyarakat*, Jakarta: P.T. Granada Pustaka, h. 13.

Metode *historis* (persejarahan)²⁸ yang akan menggunakan dua perspektif utama iaitu *sosio-historis* bermaksud menggunakan kronologi dan latar belakang sejarah untuk mengetahui asal usul suatu perkembangan. Sedangkan *critical metode* iaitu usaha untuk mengkritik sembarang pendapat dan menilai hasil daripada sejarah yang dipilih.²⁹

Kajian historis yang dilakukan adalah tentang ilmu dan perubahan manusia dan masyarakat.³⁰ Dalam konteks kajian ini difokuskan kepada sejarah lahirnya dan perkembangan, tapi juga akan melihat bagaimana Dayah Mudi Mesra dalam perspektif dakwah.

Metode ini di lihat penting, kerana banyak data-data primer seperti maklumat berkenaan dengan sejarah dayah dan metodologi dakwah yang digunapakai yang terdapat dalam buku-buku, majalah, jurnal, kertas kerja dan lain-lain yang ada hubungkait dengan tajuk kajian. Dapatan ini telah digunakan dalam bab satu, dua dan tiga yang berhubungan dengan sejarah Dayah Mudi Mesra serta metodologi dakwah yang digunapakai.

b. Metode Dokumentasi

Penggunaan metode ini adalah bagi mendapatkan fakta-fakta dan data-data dalam menyiapkan bab dua bab tiga dan bab empat. Antara dokumen-dokumen yang digunakan seperti *al-Qur'ān* dan terjemahan, al-sunnah, artikel, risalah, kertas kerja dan dokumen dokumen Dayah Mudi Mesra yang

²⁸ Muhammad Yusoff Hasyim (1992), *Persejarahan Melayu: Kajian terhadap Tradisi Sejarah Melayu Nusantara*, Kuala Lumpur: T. P, h. 3.

²⁹ Gufron A. Mas'adi (1997), *Pemikiran Fazlurrahman Tentang Metodologi Pembaharuan Hukum Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 62.

³⁰ Imam Barnadid (1982), *Metode Penelitian Sejarah*, Yogyakarta: Insani Pres, h. 51.

belum diterbitkan bagi mendapatkan maklumat berhubung dengan tajuk.

Dalam hal ini, beberapa perpustakaan telah dikunjungi penulis antaranya:

1. Perpustakaan Pengajian Dayah Mudi Mesra.
2. Perpustakaan IAIN Ar-Raniry Nanggroe Aceh Darussalam.
3. Perpustakaan Universitas Syiah Kuala Nanggrou Aceh Darussalam
4. Perpustakaan Utama Universiti Malaya
5. Perpustakaan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya
6. Perpustakaan Za'ba Universiti Malaya
7. Perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya.

2. Kajian Lapangan (*Field Research*)

Bagi melengkapkan kajian ini, Penulis juga menjalankan kajian lapangan atau luaran bagi mendapatkan fakta-fakta dan data-data yang tidak bertulis atau tiada kepastian terhadap fakta yang ada antara metode yang digunakan. Metode ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan data-data kajian yang besesuaian dengan konteks kajian yang sedang dilakukan.³¹

a. Metode Pengamatan dan Pengalaman (*observasi*)

Penulis menggunakan metode pengamatan dan pengalaman sebagai menguatkan bukti-bukti yang dikemukakan terutama yang berhubung kait dengan dakwah yang dilaksanakan oleh Dayah Mudi Mesra sebagaimana dalam bab tiga dan empat.

³¹ Marohaini Yusof (ed.) (2001), "Pertimbangan Kritikal dalam Pelaksanaan Kajian Kes Secara Kualitatif" *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, h. 35-36.

Pengalaman ini di lihat berdasarkan apa-apa yang berlaku di sekeliling penulis dan pengamatan penulis terhadap pengajian dayah, penulis jadikan sebagai kajian dalam disertasi ini. Dalam masalah ini penulis lakukan dengan cara penulis memohon kebenaran pimpinan dayah, tenaga pengajar dan penjaga dayah untuk masuk ke dalam lokasi dayah memerhatikan aktiviti yang dilakukan. Dengan cara ini penulis secara langsung dapat melihat dan menilai bagaimana aktiviti dakwah yang dilakukan Dayah Mudi Mesra, hal ini dilakukan untuk lebih memperkukuhkan data-data yang diperolehi melalui metode temubual.

b. Metode Wawancara (*interview*)

Metode wawancara *interview* iaitu cara mengumpulkan data yang dilakukan secara sistimatis, teratur dan berencana melalui wawancara di antara dua orang lebih.³² Penulis juga menggunakan metode wawancara (*interview*) bersama pihak bertanggungjawab seperti pimpinan dayah, guru-guru pengajar dan lain- lain yang di anggap sebagai tokoh yang mengerti dan faham mengenai dayah yang di maksud melalui tanya jawab secara lisan dan bersemuka langsung melalui temubual tidak berstruktur, serta menggunakan saluran komunikasi yang sesuai untuk mendapatkan fakta-fakta yang lebih fokus dan tepat.

Rasionalnya, penulis dapat mengumpulkan matlamat-matlamat yang diperlukan secara langsung dan tepat, berhubung dengan inistitusi Dayah Mudi Mesra malahan turut mendapatkan maklum balas mengenai sebarang masalah yang dihadapi serta proses keberkesanannya dayah tersebut kepada masyarakat yang duhulu dan sekarang.

³² Idris Awang (t.t.), *Kaedah Penyelidikan: Suatu Oview*, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 93.

1.9.2. Metode Analisis Data

Setelah semua data dan fakta sudah terkumpul melalui metode-metode di atas penulis menggunakan metode lain bagi tujuan mengolah dan menganalisis data-data yang diperoleh. Metode ini adalah salah satu model yang ditawarkan oleh Neeng Muhadjir yang di sebut dengan proses berfikir dalam proses mundar mandir secara sangat cepat antara induksi dan deduksi, abstraksi dan penjelasan.³³

Penggunaan metode ini adalah sebagai dasar untuk menilai hubungan dayah dalam kaitanya dengan dakwah. Dayah sebuah institusi pendidikan agama Islam dalam meperkembangkan kualiti pendidikan agama Islam, sehingga mampu beradaptasi dengan perkembangan semasa.

Sehubungan dengan itu, di dalam menganalisis data, kajian ini melakukan metode induktif, deduktif dan komperatif. Penggunaan metode tersebut melalui langkah-langkah sebagai berikut:

1. Metode Induktif ialah menganalisis fakta-fakta yang diperoleh melalui pola dalil-dalil yang bersifat am.³⁴ Pada bab ke tiga penulis cuba menyingkap dua persoalan utama iaitu persoalan dayah dan dakwah, kebanyakan data diperoleh melalui penulisan yang telah di tulis oleh tokoh-tokoh ilmunan dalam bidang masing, temubual, dan kertas kerja. Melalui data tersebut penulis membuat analisis sehingga membentuk satu generalisasi iaitu suatu kesimpulan yang am dan menyeluru terhadap data-data tersebut. Maka melalui kesimpulan yang

³³ Noeng Muhadjir (1998), *Metodelogi Penelitian Kualitatif*, Yogyakarta: Reka Sarasin, h. 6.

³⁴ Dr. Abdul Halim Mat Diah (1987), *Suatu Contoh Tentang Huraian Metodolog*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM, h. 13.

bersifat am tersebut penulis merumuskan kesimpulan yang bersifat khusus. Metode ini digunakan oleh Penulis dalam bab tiga dan empat bagi mendapatkan faktor kejayaan Dayah Mudi Mesra.

2. Metode Deduktif ialah cara menganalisis fakta-fakta dan data-data dengan melakukan penulisan berdasarkan kepada pola pemikiran dengan bukti-bukti berdasarkan dalil-dalil am terhadap hal-hal khusus.³⁵ Pada bab yang ke tiga penulis telah berjaya menemui jawapan am terhadap kajian yang dijalankan, seterusnya penulis cuba mengklarifikasikan secara objektif terhadap jawapan-jawapan am tersebut dengan memfokuskan kepada dua asas utama iaitu pertama; mengkaji sejarah penubuhan, dan kesannya terhadap aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam bentuk dakwah. Kedua; menganalisis perancangan dan aktiviti yang dijalankan oleh dayah tersebut dalam masa yang sama penulis cuba menyingkap keberkesanan terhadap aktiviti-aktiviti yang dilakukan. Metode ini digunakan dalam bab dua, tiga dan empat.
3. Metode Komperatif ialah melakukan analisis kesimpulan dengan membandingkan terhadap data-data yang diperolehi dalam melakukan penelitian.³⁶ Dalam hal ini penulis akan membandingkan aktiviti-aktiviti dakwah yang dilakukan oleh Dayah Mudi Mesra yang penulis perolehi dalam bab tiga dan empat melalui metode komperatif tersebut, penulis yakin memperoleh jawapan samaada terhadap metodologi mahupun terhadap akitiviti-aktiviti yang dilakukan oleh dayah tersebut. Manakala pada penghujung analisis

³⁵ *Ibid.*, h. 36.

³⁶ *Ibid.*, h. 38.

tersebut penulis membuat kesimpulan dalam bab ke lima yang lebih terhad dan bersifat khusus.

1.10. Struktur Kajian

Sebelum melangkah kepada bagian kedua, maka penulis akan membuat dahulu struktur kajian. Keseluruhan kandungan kajian ini terdiri dari lima bab. Bab satu merupakan bab pendahuluan yang membahas masalah pengenalan kajian, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, definisi tajuk, skop kajian, metodologi kajian, ulasan kajian lepas dan struktur kajian.

Bab dua menjelaskan mengenai konsep dan metode dakwah yang didalamnya mencakupi pengertian dan skop dakwah, kedudukan dakwah, matlamat dakwah, kaedah dakwah, faktor-faktor penyokong dakwah dan hubungan antara dakwah dengan dayah.

Bab tiga membahas mengenai pengenalan Dayah Mudi Mesra mencakupi sejarah penubuhan, tujuan penubuhan, sistem pendidikan, kurikulum, kepemimpinan dan sambutan masyarakat terhadap Dayah Mudi Mesra.

Bab empat membahas metodologi dan aktiviti-aktiviti dakwah Dayah Mudi Mesra yang mencakupi dakwah *bi al-hāl* dan *bi al-lisān* sebagai sebuah institusi pendidikan agama Islam yang memberikan pengajaran dan kefahaman kepada masyarakat. Disamping itu juga dalam bab ini penulis membahas mengenai aktiviti-aktiviti Dayah Mudi Mesra dalam usaha pengkaderan ulama dan keberkesanan serta kejayaan Dayah Mudi Mesra dalam aktiviti dakwah yang mencakupi dengan

cabaran-cabaran yang dihadapi Dayah Mudi Mesra dalam kewujudan sebagai sebuah institusi agama Islam.

Bab lima adalah sebagai bab penutup dan kesimpulan dari disertasi dan penulis membuat saranan yang penulis anggap dapat bermanfaat untuk penulis sendiri, kepada Dayah Mudi Mesra, kerajaan dan juga kepada dayah-dayah lain untuk dijadikan rujukan dalam menzahirkan ajaran Islam dalam kehidupan umat melalui metodologi dan aktiviti dakwah.